



WADAH: Menyahut Penggilan Pencerahan

Siddiq Fadzil, Presiden

ABIM lahir dari kesedaran tentang hakikat *shumuliyatu 'l-Islam*, kesempurnaan dinu 'l-Islam sebagai `aqidah dan shari`ah, cara hidup tauhidik yang komprehensif. Demikianlah *al-wa`yu 'l-Islamiy* (kesedaran Islami) yang tumbuh dan menyemarak dalam fenomena global kebangkitan Islam (*al-sahwah al-Islamiyyah*). Tepat pada saat strategik itulah ABIM muncul sebagai *agent of change* di Malaysia, melakukan koreksi terhadap faham dan amalan sekularistik dan seterusnya menyalakan ghairah keagamaan di tengah umat, khususnya generasi muda. Demikianlah selama lebih tiga dekad wadah kepemudaan tersebut dengan setia dan istiqamah memperjuangkan aspirasi kebangkitan *islahiy-tajdidiy*.



Siddiq Fadzil

ABIM adalah wadah berjasa yang berjaya menempa nama sebagai gerakan Islam kontemporari yang berwibawa. Citra kepeloporan wadah yang telah kita bina dengan susah payah itu harus terus dipertahankan. Untuk itu ia perlu dipastikan selamanya dalam kendalian pasukan kepimpinan yang dinamik-energetik. Dengan mengekalkan dinamika kepemudaannya ABIM diharapkan akan terus-menerus mampu meningkatkan daya juangnya sebagai juru bicara gerakan yang lantang dan artikulatif.

Dalam kaitan inilah perlunya para senior memberikan kepercayaan dan laluan kepada angkatan muda dengan menyerahkan baton perjuangan kepada mereka. Namun langkah tersebut tidak harus diertikan sebagai penamatan riwayat perjuangan satu generasi. Perjuangan melaksanakan misi keislaman bukan sejenis kerjaya yang tamat dengan persaraan. Perjuangan ini adalah bahagian daripada hidup, berlanjutan bersama denyut nadi, bersambung bersama degup jantung dan hanya akan berhujung dengan hembusan nafas terakhir. Penubuhan Wadah adalah langkah strategik memperluas gelanggang, mempelbagai ragam persilangan.

Wadah ditakdirkan hadir di tengah kecamuk pelbagai masalah dan cabaran global dan lokal. Selepas peristiwa 11 Sepetember, dunia menyaksikan badai amukan

sebuah *hyperpower* yang kini mulai disebut secara sarkastik sebagai *the United States of Fighting Terrorism* yang mengeksport dan meratakan ketakutan (*fear*) ke seluruh dunia Islam; tidak ada negara Islam, organisasi Islam atau institusi Islam yang terlepas dari tekanan dan ugutannya. Akibatnya ramailah pemimpin dan umat Islam yang mulai bertindak dan berbuat sesuai dengan kehendak US, termasuk menekan organisasi Islam, melemahkan institusi Islam dan mendistorsikan ajaran Islam. Situasi seperti itulah yang memberikan kesempatan kepada golongan sekularis untuk berleluasa mengungkapkan Islam versi liberal-sekular. Dengan dukungan, perlindungan dan pendanaan yayasan-yayasan luar negara, mereka menjadi begitu berani, tanpa rasa hormat kepada amanah keilmuan, dan tanpa malu-malu mendebat dan menggugat ajaran agama; bukan lagi fiqhnya, tetapi sudah melarat ke syari`atnya, dan bukan lagi tafsirnya, tetapi sudah melarat ke jantung teks suci al-Kitab. Tidak dapat diragukan lagi bahawa memang ada projek *converting the Muslims* dan sekaligus *converting Islam*. Andainya strategi serampang dua mata itu berjaya, ia akan mengakibatkan berlakunya pemurtadan dan seiring dengan itu akan tercipta sejenis "Islam" versi baru yang menepati spesifikasi Barat. Dan hanya "Islam" yang telah mendapat *endorsement* mereka sahajalah yang akan dipromosi dan ditoleransi kewujudannya. Selain itu semuanya dianggap Islam garis keras dengan label radikal, fundamental, militan dan teroris yang harus dimusnahkan. Tidak dapat dibayangkan keadaan yang lebih tragik daripada itu: Amerika yang mendefinisikan, malah *dictate* Islam itu apa, dan bagaimana cara yang seharusnya ia difahami dan diamalkan.

Demikianlah, situasi lemah dan tertekan yang menimpa umat dan kepimpinannya itu diambil kesempatan oleh golongan yang tiba-tiba menjadi berani untuk merombak, mengungkit dan mempersoalkan hal-hal yang selama ini tidak pernah disinggung, termasuk fasal-fasal tertentu dalam perlembagaan negara. Keleluasaan gaya hidup hedonistik dan budaya *sensate* yang begitu fenomenal akhir-akhir ini menyebabkan orang mulai bertanya, apakah semuanya itu petanda bahawa masyarakat kita sedang mengalami proses pendangkalan agama yang akhirnya berhujung dengan deislamisasi?

Sekaranglah saatnya untuk tampil sebagai *ansaru 'Llah*, kekuatan kerakyatan yang menjulang obor agama Allah agar tetap menyinar di tengah kegilaan manusia

(bersambung di muka surat 6)

EDITORIAL

Demokrasi: Antara Perebutan Kuasa Politik dan Kesejahteraan Rakyat

Gejolak politik yang berlarutan di Perak ekoran peristiwa pengambilalihan kuasa oleh BN dari PR, membayangkan adanya kekurangan yang mendasar dalam kefahaman dan amalan demokrasi di negara ini. Kita menyaksikan aksi perebutan kuasa yang mengeneppikan *rule of law* dan lunas-lunas akhlak serta prinsip keadilan. Lalu yang terjadi 'sengketa' antara pelbagai kelompok dalam masyarakat menjadi semakin sengit dan jurang hubungan antara mereka menjadi semakin meluas. Cita-cita dan impian tentang wujudnya persefahaman dan kerjasama serta hubungan harmonis dalam masyarakat – yang menjadi asas kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat – kini seakan tidak kesampaian.

Demokrasi sepatutnya menjadi mekanisma yang mampu menghalang tindak tanduk politik yang keterlaluan. Demokrasi menjadi penuntun masyarakat ke arah budaya perpolitikan yang lebih tertib dan memandu mereka ke arah penyelesaian masalah secara muafakat. Permuafakatan yang tercipta dari persefahaman dan kesediaan untuk bertolak ansur. Demokrasi seperti ini mampu menghindar pergeseran dari menjadi lebih sengit sebaliknya memudahkan tercipta kerukunan dalam hidup bermasyarakat.

Membangun kesejahteraan hidup rakyat yang berlandaskan prinsip kebenaran dan keadilan harus menjadi keutamaan perjuangan politik, sebagaimana juga gerakan-gerakan sosial. Kuasa politik dan pemerintahan bukanlah matlamat (*not an end in itself*). Ia hanyalah wahana bagi mendaulkan hak rakyat dan menegakkan keadilan serta membawa kesejahteraan kepada kehidupan manusia. Ahli-ahli politik tidak seharusnya hilang pertimbangan hingga dalam keghairahan mereka bersaing meraih kuasa politik, nasib rakyat tidak dihiraukan. Harus disadari bahawa kuasa politik bukan segala-galanya, hingga perlu direbut *at all cost* dan walaupun dengan mengorbankan prinsip dan nilai akhlak. Rakyat menginginkan *peace of mind*, kebebasan dan kesejahteraan hidup. Inilah yang seharusnya diberi oleh demokrasi sebagai pemerintahan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat (*government of the people, by the people, for the people*). Sayangnya sebahagian wakil-wakil rakyat yang menjadi ahli-ahli politik tidak meletakkan usaha memperjuangkan nasib dan hak rakyat sebagai agenda utama mereka. Sebaliknya mereka berlumba-lumba mendapatkan kuasa politik sebagai wasilah untuk mendapat peluang dan habuan bagi memenuhi nafsu serakah dan memperkaya diri sendiri, walaupun dengan berbuat demikian hak-hak rakyat harus dikorbankan. Akibatnya berlaku seperti yang disebut oleh José Nun dalam bukunya, *Democracy*, iaitu kehilangan visi asal demokrasi yang mendaulkan 'kerajaan rakyat' (*the government of the people*) sebaliknya

yang muncul ialah 'kerajaan ahli-ahli politik' (*the government of the politicians*).

Kita menyeru ahli-ahli politik kita supaya kembali ke pangkal jalan, akur kepada prinsip-prinsip demokrasi, merujuk kepada panduan agama dan nilai akhlak, sedia bersaing secara sihat dan menghormati *rule of law*, berjiwa besar dengan melihat pesaing politik sebagai rakan dalam menyuburkan demokrasi. Kita percaya, sikap seperti akan membantu mengembalikan kesejahteraan dan kerukunan masyarakat.

Kita tertanya-tanya kenapa ramai dari ahli-ahli politik yang memulakan karier politiknya dengan hasrat murni (*ideals*) dan semangat perjuangan membela rakyat, namun bila mereka memperolehi kuasa, cita dan hasrat mulia ini pantas sekali dilupakan. Ini mengingatkan kita kepada watak Bill McKay dalam filem *The Candidate*, (1972). Dalam proses mendaki kuasa politik, dia hilang arah lalu meminggirkan idealisme yang diperjuangkannya sebelumnya. Apakah wajar kita menjadi sebagaimana yang diungkap sebagai *tagline* filem tersebut: "*Nothing matters more than winning. Not even what you believe in*"? Kalau demikian sikap kita, jangkakan masalah lebih besar akan datang tanpa menimpa!

Sidang Editor

Ab Halim Ismail
Mohd Halimi Abdul Hamid
Shaharuddin Badaruddin
Dr Rahmah Hashim
Dr Abu Bakar Sarpon



SEMINAR MEMPERINGATI 100 TAHUN PAK NATSIR

Wadah Pencerdasan Umat (Wadah) bersama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengadakan Seminar Memperingati 100 Tahun Bapak Mohammad Natsir, pada 10 Januari 2009 yang lalu. Seminar tersebut dianjurkan sebagai menghargai sumbangan bermakna Bapak Mohammad Natsir, seorang tokoh besar Rantau Melayu terhadap perkembangan dakwah dan politik rantau ini. Adalah juga diharap agar perbincangan-perbincangan tentang tokoh ini akan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dakwah yang seharusnya merentas segenap bidang kehidupan termasuk politik. Kata-kata Pak Natsir "*Berdakwah di jalur politik, berpolitik di jalur dakwah*" diketengahkan bagi



m e n g g a m b a r k a n komitmennya yang tidak pernah padam terhadap perjuangan mengubah umat, walau di mana beliau berada.

Seminar yang diadakan di Dewan Konvokesyen KUIS itu telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Khalid Ibrahim,

Menteri Besar Selangor. YB Dato' Seri Anwar Ibrahim turut menyampaikan ucapan utama di seminar tersebut. Seramai lebih 1000 orang telah hadir mendengar pembentangan kertas-kertas kerja yang disampaikan oleh para pembentang dari dalam dan luar negeri. Pembentang dan pembicara dari Malaysia ialah Presiden Wadah, Dato Dr Siddiq Fadzil, Timbalan Presiden Wadah, Prof. Madya Dr Muhammad Nur Manuty, Prof Dr Muhd Kamal Hasan dari Universiti Islam Antarabangsa dan Dr Zulkepli Aini dari KUIS Pembentang-pembentang dari luar negara ialah Bapak Chris Siner Key Timu dari Pusat Kajian dan Edukasi Masyarakat, Jakarta, Bapak Syuhada Bahari, Ketua Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia, Dr. Gamal Abdul Nasir Zakaria dari Universiti Brunei Darussalam dan Prof Dr Laode M Kamaluddin, Ketua Umum Panitia Refleksi Seabad M Natsir dari Jakarta.

Sebuah buku *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, terbitan Wadah Pencerdasan Umat dan Kolej Universiti Islam Selangor, turut dilancarkan sempena program tersebut.

Di akhir seminar tersebut beberapa resolusi telah dirumuskan, antaranya ialah

- 1 Menyarankan agar perjuangan dan kehidupan dan sahsiah Bapak Mohammad Natsir dijadikan sebagai model untuk ikutan generasi kini.
- 2 Menyebarluaskan pemikiran-pemikiran Bapak Mohammad Natsir melalui pelbagai saluran termasuk seminar, wacana, media elektronik dan penerbitan-penerbitan.
- 3 Melakukan penerbitan semula dalam Bahasa Melayu sebahagian karya-karya penting Bapak Mohammad Natsir supaya ilmu dan saranan-saranan pentingnya dapat dimanfaatkan secara lebih meluas.
- 4 Menyarankan agar juru dakwah menekuni pendekatan dakwah Islam yang berpaksikan al-hikmah, mujadalah dan nasihat yang baik dengan mengambil Bapak Mohammad Nasir sebagai *qudwah*.
- 5 Mengadakan wacana dan sidang bagi mewujudkan satu kaedah yang sistematik bagi mengukur prestasi dan keberkesanan dakwah dalam masyarakat.

- 6 Menubuhkan Yayasan Dakwah Serantau bagi menggembelngkan tenaga da'i secara lebih terpadu serta melatih generasi baru dengan membina kader-kader dakwah yang lebih kompeten dan beristiqamah.
- 7 Mewujudkan Kursi Pemikiran Bapak Moammad Natsir ataupun Natsir Centre for Civilisation di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi mengkaji khazanah hikmah dakwah serantau yang kaya dan unik.
- 8 Menyarankan agar ahli-ahli politik tanah air meneladani Bapak Mohammad Natsir yang mampu berpolitik ke tahap tinggi, namun masih kuat mempertahankan kepentingan dan prinsip agama, demokrasi dan keadilan.
- 9 Menyarankan agar Kerajaan Persekutuan menimbang bagi melantik tokoh-tokoh yang beragama Islam dari badan-badan dakwah dan organisasi Islam bagi menduduki Dewan Negara supaya kepentingan Islam dan umatnya dapat dipertahankan.



(Dato Seri Anwar Ibrahim, Ibu Asma (anak Pak Natsir) dan Dato Dr Siddiq Fadhil)



(Rektor KUIS, YAB Dato Menteri Besar Selangor dan Presiden WADAH di sidang media.)

Selatan Thai: Kekejaman Berulang Lagi

Serangan kejam ke atas Masjid Al-Furqaan di desa Ai Payae, di daerah Narathiwat, Selatan Thai, pada pagi subuh, 9 Jun 2009 seharusnya dikecam habis-habisan. Enam orang penyerang yang disebut tidak dapat dikenalpasti, menggunakan senjata automatik M-16 menembak secara rambang jamaah yang sedang solat.

Serangan yang mengakibatkan 11 jamaah terbunuh dan 13 yang lain cedera parah, menggambarkan kegagalan pemerintah Thai mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi melindungi umat Islam di Selatan Thai. Bahkan melihat bahawa tidak ada pihak yang pernah didakwa atas berbagai kekejaman yang dilakukan ke atas masyarakat Islam pada masa yang lalu, timbul dakwaan bahawa serangan ini tidak lain hanyalah salah satu siri kekejaman yang didalangi atau direstui oleh pihak tentera Thai sendiri. Tuduhan bahawa serangan ini dilakukan oleh puak pemisah Islam, bagi menimbulkan ketegangan umat Islam terhadap pemerintah Thai, adalah sesuatu yang sukar diterima. Abhisit sendiri menyebut, "Serangan ke atas masjid adalah sesuatu yang luar biasa dan bukan stail golongan pemisah". Sekiranya pentadbiran Thailand serius dalam usahanya untuk mengangani isu umat Islam di selatan, penyiasatan segera perlu dilakukan secara professional bagi mengenalpasti penyerang-penyerang tersebut dan segera menghukum mereka yang bertanggungjawab.

Penduduk Islam yang tidak sampai 2 juta itu membentuk 80 peratus dari jumlah penduduk di daerah-daerah Yala, Narathiwat, Songkhla dan Pattani. Kenyataan bahawa daerah-daerah ini merupakan daerah-daerah termiskin di antara 76 daerah di Thailand, membayangkan betapa mereka selama ini telah diabaikan oleh pemerintah Thailand. Mereka bukan hanya terabai dari segi sosio-ekonomi dan pendidikan, tetapi terbiar menjadi sasaran kekejaman dan tindakan tidak berperi kemanusiaan golongan yang berkepentingan. Sejak Januari 2004, seramai

3,500 orang telah terbunuh dalam berbagai kejadian serangan. Masih segar dalam ingatan kita serangan ke atas masjid Krue Sae, pada bulan April 2004 yang membunuh 32 orang. Demikian juga peristiwa Tak Bai, pada bulan Oktober yang mengakibatkan kematian 78 orang Islam.

Dalam lawatan ke Kuala Lumpur pada 7 Jun, Abhisit mengakui bahawa keganasan yang berlaku berpunca dari "kesilapan polisi" pentadbiran Thai yang lalu. Beliau menegaskan bahawa pentadbiran sekarang bertekad membetulkan keadaan dan akan memberi tumpuan kepada pembangunan daerah-daerah tersebut bagi mendapat kembali kepercayaan dan keyakinan penduduk. Bagaimanapun dengan kejadian pada 9 Jun, polisi Abhisit Vejajiva 'to win hearts and minds' penduduk selatan Thai menjadi bertambah sukar.

Laporan Gallup Menangkis Mitos Tentang Orang-orang Islam Amerika

Laporan oleh Gallup Center for Muslim Studies mendapati bahawa wanita-wanita Islam Amerika adalah berpendidikan, aktif bekerja dan setanding dengan kaum lelaki dari segi pendapatan. Laporan itu membuktikan tuduhan-tuduhan negatif terhadap Islam adalah tidak benar. Menurut Ahmad Younis, penganalisis kanan pusat tersebut, "The Achilles Heel that has always existed - that Muslims 'are not like us' because their women are oppressed - well, the data speak to the proposition that that is absolutely not true".

Laporan yang diambil dari 946 orang Islam dari sampel lebih dari 319,000 orang yang ditemuramah merentas Amerika Syarikat, menunjukkan wanita Islam Amerika berada di tangga kedua selepas orang-orang Yahudi Amerika dari sudut pencapaian dalam bidang pendidikan.

40 peratus dari kalangan orang-orang Islam memiliki ijazah berbanding 61 peratus dari

(bersambung di muka surat 6)

Kembali Bang Imad

Jakarta- Doktor Muhammad Imadudin Abdulrahim, salah seorang tokoh yang tidak asing lagi kepada WADAH dan ABIM, wafat pada usia 77 tahun di kediamannya sekitar jam 9.00 pagi waktu tempatan pada hari Sabtu 2 Ogos 2008. Allahyarham telah dikebumikan di Taman Makam Pahlawan Kalibata, Jakarta pada sebelah pagi hari Ahad 3 Ogos 2008. Wadah telah diwakili oleh Hj Ab Halim Ismail, Setiausaha Agung dan Mohd Halimi Abdul Hamid, Penolong Setiausaha Agung di acara pemakaman tersebut. ABIM pula telah diwakili oleh Fauwaz Hasbullah, Penolong Setiausaha Agung.



Mengiring jenazah ke tempat pemakaman



Setiausaha Agung menyampaikan takziah kepada Bapak Abdullah, adik almarhum.

Muktamar Nasional Kedua Wadah - 16 Februari 2008



(dari muka surat 4)

kalangan Yahudi dan 29 peratus bagi Amerika keseluruhannya. Sementara itu 42 peratus wanita-wanita Islam mempunyai ijazah berbanding 39 peratus lelaki Islam.

Kajian juga menunjukkan wanita Islam Amerika memperoleh jumlah yang sama dengan lelaki di kedua-dua tahap pendapatan rendah dan tinggi, menjadikan kelompok agama ini mempunyai darjah kesamaan gender dari segi ekonomi yang paling tinggi.

41 peratus orang-orang Islam Amerika menganggap diri mereka maju, namun hanya 23 peratus di Perancis dan 7 peratus di Britain yang beranggapan demikian.

Penulis laporan berkenaan menyarankan agar Amerika "*rethink*" tentang pemahaman mereka tentang masyarakat Islam di Amerika. Menurut Dalia Mogahed, pengarah eksekutif Gallup Center for Muslim Studies, orang-orang Islam merupakan kelompok penganut agama yang dipandang paling negatif.

.....

(dari muka surat 1)

yang cuba memadamnya. Sesungguhnya cabaran sikap agresif-provokatif golongan-golongan di atas harus segera disahut dengan peningkatan komitmen para da'i, ulama dan cendekiawan Muslim. Sikap pasif kita telah mendorong mereka menjadi agresif, dan sikap ragu-ragu kita telah membantu mereka menjadi berani. Demikianlah yang namanya perjuangan, yang apabila tiba saatnya, tidak siapa pun - yang muda atau yang tua, yang senang atau yang susah - boleh mengecualikan diri. Apabila sampai saatnya semua harus tampil *khifafan wa thiqalan*, dalam keadaan ringan atau dalam keadaan berat.

Cabaran-cabaran sebagaimana yang diungkapkan di atas memperkuatkan keyakinan kita tentang kerelevanan strategi dakwah dan tarbiyah. Memang demikianlah selamanya, dakwah dan tarbiyah tidak pernah dan tidak akan pernah hilang kerelevanannya. Justeru, strategi inilah yang akan kita lanjutkan dengan lebih intensif sebagai usaha pengaktualisasian misi profetis: membebaskan manusia dari kegelapan (*al-zulumat*) kepada kecerahan (*al-nur*). Untuk memastikan terlaksananya misi *tanwir* atau pencerahan ini, Wadah harus mampu tampil sebagai *the enlightened souls*, istilah yang dipakai oleh Ali Shari'ati tentang golongan yang

sedar tentang dirinya dan sedar dengan tanggungjawab sosialnya.

Sesungguhnya babak sejarah yang sedang kita lintasi adalah babak yang cukup kritikal dan mencemaskan. Isu yang harus ditangani adalah isu survival. Kerana itu agenda utama kita adalah membina kualiti umat atas rasional bahawa kualitilah faktor yang sebenarnya menentukan survival sebagaimana yang diungkapkan secara metaforik dalam al-Qur'an tentang buih (*al-zabad*) yang serba rapuh dan segera menghilang sebagai simbol umat hampas, tanpa *substance* dan tidak berguna. Umat tanpa kualiti yang terancam musnah itu dipertentangkan dengan umat penyumbang, umat yang bermanfaat kepada dunia dan manusianya. Umat yang berkualiti mampu menyumbang manfaat itulah yang dapat mempertahankan survival dan kehadiran yang bererti. Dalam kaitan ini sumbangan paling bermanfaat kepada manusia tidak lain adalah petunjuk (agama) Ilahi.

Memang sejarah masa kini adalah sejarah krisis ketamadunan, era penuh kemelut kemanusiaan yang disebut oleh Sutan Takdir Alisjahbana sebagai krisis "maha besar". Dunia didominasi oleh kuasa yang angkuh, rakus dan ganas. Itulah kuasa besar yang pernah disebut oleh Ali Mazrui selalu bersikap *...refusing to be humanized morally*. Dan setelah kehilangan kemanusiaan ia tidak lagi sensitif dengan kebencian dunia terhadapnya. Tamatnya Perang Dingin telah tidak dimanfaatkan secara bertamadun dengan membangun dunia yang stabil dan damai. Sebaliknya ia hanya menjadikan Amerika bertambah angkuh dengan sikap unilateralnya. Demikianlah tersia-sianya suatu peluang kemanusiaan dan ketamadunan yang juga turut disesalkan oleh Mikhail Gorbachev, "*... despite the great opportunity that the end of the cold war presented to the U.S. to build a safer and more stable world, it only strengthened America's arrogance and unilateralism.*" Keadaan tersebut diperburuk lagi dengan peristiwa 11 September, peristiwa yang menjadikan U.S. berang, lalu mengamuk. Dan itulah pula yang memberikan citra *an America that exports fear, not hope*.

Demikianlah sisi hitam sejarah kontemporari yang jelas memperlihatkan pelbagai *predicaments*. Tetapi siapa tahu, barangkali ada pula sisi putihnya yang mengandungi *promises*. Memang kita sedang mengalami krisis, tetapi tidak sedikit pula krisis yang boleh dirubah menjadi kesempatan. Sekaranglah saatnya kita tampil sebagai umat penyumbang, menawarkan tamadun sejagat rahmat (*rahmatan li 'l-'alamin*). Tetapi untuk memungkinkan kita menjadi umat penyumbang, kita perlu berada di atas. Hanya yang di atas yang dapat mencurahkan sesuatu kepada yang menadah di bawah. Dengan kata lain kita perlu menjadi umat *al-yadu 'l-'ulya* (tangan yang di atas) dalam erti luas. Untuk itu kita perlu membangunkan semula tonggak-tonggak yang menjadi kekuatan tamadun Islam zaman jayanya dahulu, tonggak-tonggak

ketamadunan yang dirumuskan oleh Malik Bennabi sebagai *quwwatu 'r-ruh wa 'l-'aql* (kekuatan spiritual-intelektual). Andainya kita ingin menjadi kekuatan katalis pembangunan tamadun sejagat rahmat, maka Wadah ini harus juga dibangun di atas kedua-dua tonggak kekuatan tersebut. Dalam kaitan inilah perlunya strategi pembinaan dalaman yang berpaksikan *taqarrub* dan *tafaqquh*. Dengan intensifikasi *taqarrub*, meningkatkan amal mendekati diri kepada Allah kita membangun kekuatan rohaniah (*quwwatu 'r-ruh*), dan dengan ketekunan *tafaqquh*, menguasai ilmu al-Kitab dan al-hikmah kita membangun kekuatan intelektual (*quwwatu 'l-'aql*).

Kekuatan dalaman inilah yang harus sentiasa dipelihara dan dilestarikan. Sejarah mengajar kita bahawa kekalahan dan keruntuhan lebih banyak disebabkan kerapuhan dalaman, dan tidak sangat disebabkan gempuran luar. Itulah yang sebenarnya hakikat di sebalik keruntuhan tamadun Baghdad pada abad 13M, tamadun yang telah lama reput dari dalam setelah kehilangan kedua-dua tonggak kekuatannya (*quwwatu 'r-ruh wa 'l-'aql*) dan seluruh kekuatan umat tersedut dalam silang sengketa perpolitikan *al-siyasah bi 'l-ma'na 's-sathiy* (politik yang telah mengalami pendangkalan erti), politik siapa dapat apa. Serangan Mongol sebenarnya tidak lebih daripada sekadar tolakan terakhir terhadap tubuh daif yang sudah lama menunggu rebah.

Demikianlah andainya kita tidak mahu ditempelak oleh ayat, ...*apakah kamu mengajak orang melakukan kebaikan, sedang kamu sendiri lupa diri?*. Umat sebenarnya sudah lama bosan dengan sandiwara pidato-pidatoan dan slogan-slogan. Kepura-puraan dalam kepimpinan dunia Islam sudah lama menjadi lawak yang tidak lucu lagi. Umat tidak lagi memerlukan kepimpinan yang lemah dan melemahkan. Yang diperlukan adalah gerakan yang perkasa dan mampu memperkasa. Mudah-mudahan Wadah akan mampu tampil sebagai kekuatan pembawa harapan, tampil dengan citra penuh wibawa sebagai pengibar panji-panji integriti moral dan etika kecendekiawanan, tampil sebagai kekuatan pemberdayaan umat.

Kita telah ditakdirkan untuk menangani generasi umat yang rata-rata telah dilumpuhkan oleh pelbagai faktor sehingga menepati pemerian al-Qur'an tentang hamba abdi yang tidak berdaya (*'abdan mamlukan la yaqdiru 'ala shay'*). Kaum dhu'afa' yang terpuruk akibat dilumpuh dan diperbodoh inilah yang harus dibina dengan agenda pemberdayaan *tanwiriy* - pencerahan dan pencerdasan. Adalah amat disayangkan, dalam era kesedaran tentang peri pentingnya *human capital* atau modal insani, masih juga berlaku pengabaian terhadap usaha pemberdayaan umat. Para penguasa di dunia Islam hanya asyik menggali kekayaan bumi, tetapi tidak berusaha menggali potensi kekuatan rakyat, malah seringkali bertindak sebaliknya membenamkan potensi kecerdasan rakyat sedalam mungkin, semakin dalam ia terbenam semakin amanlah mereka, kerana

kecerdasan rakyat selalu dirasakan sebagai ancaman. Rakyat yang cerdas jiwa dan mindanya adalah kekayaan bangsa (*wealth of nation*) yang paling berharga. Kualiti rakyatlah yang akhirnya menentukan daya maju bangsa dalam dunia persaingan global.

Pemberdayaan umat harus bermula dengan membangkitkan kesedaran *al-wa'y al-Islamiy*, kesedaran Islami yang akan mengembalikan kesedaran keinsanan, keislaman dan kerakyatannya. Dengan demikian mereka akan menemukan semula erti hidup, tahu hak dan tanggungjawab, sedar tentang makna ketinggian martabat, maruah dan jati diri. Memang misi para da'i ialah menghidupkan jiwa yang mati. Demikianlah erti dan inti pengislaman yang hakiki. Membawa manusia kepada Islam bererti memberikan daya hidup (...*lima yuhyikum*).

Pemberdayaan juga harus meliputi pencerdasan dalam erti pembinaan daya fikir atau *thinking capacity* umat. Ini bererti warga Wadah harus bersiap melawan gerakan pembodohan dan pembekuan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang merasa terganggu dengan kecerdasan dan pemikiran kritis. Itulah hakikat di sebalik pelbagai kekangan yang memakai pelbagai nama: akta, peraturan, disiplin dan seumpamanya. Generasi muda rata-rata tidak digalakkan berfikir kritis, mereka hanya disuapi dengan idea-idea yang sudah *well cooked* dan diindoktrinasi dengan pemikiran yang sebenarnya sudah tidak mampu lagi bertahan di pentas wacana keintelektualan yang kritis.

Pencapaian objektif pencerdasan terkait pula dengan budaya ilmu. Kerana itu penyegaran dan penyuburan budaya ilmu harus diangkat menjadi salah satu agenda utama. Untuk itu nilai ilmu perlu didaulatkan semula dengan menempatkannya di puncak urutan set nilai budaya bangsa. Kekuatan nilai ilmiah yang akan menjelmakan budaya ilmu. Ini adalah tugas berat yang harus dilaksanakan di tengah cabaran gejala kepura-puraan sikap terhadap nilai ilmu. Dalam gambar-gembar slogan serba-serbi berasaskan ilmu (*knowledge based*) banyak sekali perlantikan dan pengangkatan ke posisi-posisi penting yang mengenyepikan kriteria keilmuan. Asas kepakaran seringkali dikorbankan kerana kuatnya motif *rewarding friends* atau berbagi rezeki di kalangan kroni.

Yang ingin kita bangun adalah masyarakat dan tamadun yang religius, umat yang berwatak *al-amiruna bi 'l-ma'ruf wa 'n-nahuna 'ani 'l-munkar*, umat yang berbudaya kemakrufan dan alergik terhadap kemungkaran. Masa depan umat sebenarnya sangat ditentukan oleh komitmennya terhadap amar ma'ruf-nahi munkar yang disebut oleh al-Qur'an dalam pelbagai konteks: sebagai kewajipan kolektif umat, sebagai tanggungjawab penguasa, sebagai ciri *khayra ummah* dan sebagai watak umat beriman.

(Amanat Pimpinan Muktamar Nasional Pertama WADAH 11 Mac 2006)

Jawatankuasa WADAH Pusat Sesi 2006-2009

Presiden :
Dato' Dr Siddiq Fadzil

Timbalan Presiden :
Dr Muhammad Nur Manuty

Naib-naib Presiden :
Dr Ab Halim Muhammadiyah
Datuk Mohd Idris Jauzi
Ahmad Azam Ab Rahman
Dr Rahmah Hashim

Setiausaha Agung :
Ab Halim Ismail

Penolong Setiausaha Agung
Mohd Halimi Abdul Hamid

Setiausaha Kewangan :
Abdul Khuddus Mohd Naaim

Ahli Jawatankuasa :
Prof Dr Mohammad Redzuan Othman
Prof Madya Shaharuddin Badaruddin
Mohd Yunus Aminuddin
Dr Abu Bakar Sarpon

Jawatankuasa Penubuhan WADAH Pusat 2006

Presiden
Hj Abdul Halim Ismail

Timbalan Presiden
Hj Haris A Hamid

Setiausaha Agung
Mohd Halimi Abdul Hamid

Setiausaha Kewangan
Mohd Annuar Salleh

Ahli Jawatankuasa
Ust Ariffin Omar
Ahmad Bustamam Hashim

Pengerusi WADAH Negeri 2009

Perlis : Ust Dr Mohd Arshad Taib

Kedah : Mokhtar Ahmad

Pulau Pinang : Dr Wan Salem Wan Muhd Nur

Perak : Ust Yaakob Din

Selangor : Mohd Yusop Hassan

Wilayah Persekutuan : Mohd Suandi Hassan (*Penaja*)

Negeri Sembilan : Ust Ariffin Omar

Melaka : Ust Ali Umar

Johor : Ust Azmi Shah Suratman

Pahang : Ust Rasid Muhamad

Terengganu : Ust Mohamed Abdul Majid

Kelantan : Ust Wan Hassan Wan Muhammad

Sarawak : Ust Jahidin Abdul Latiff

Sabah : Sainuri Yahmin

Tarikh Muktamar Negeri 2009 & Wakil Pusat

31-Jan-09	Negeri Sembilan <i>Dato Dr Siddiq Fadhil</i>
16-May-09	Kelantan <i>Ahmad Azam Ab Rahman</i>
23-May-09	Kedah <i>Prof Madya Shaharuddin Badaruddin</i>
31-May-09	Pulau Pinang <i>Prof Madya Dr Muhd Nur Manuty</i>
7-Jun-09	Sabah <i>Abd Khudus Mohd Naaim</i>
13-Jun-09	Perak <i>Prof Dr Mohammad Redzuan Othman</i>
13-Jun-09	Johor <i>Dato Mohd Idris Jawzi</i>
14-Jun-09	Sarawak <i>Mohd Yunus Aminuddin</i>
20-Jun-09	Terengganu <i>Ab Halim Ismail</i>
20-Jun-09	Perlis <i>Ahmad Azam Ab Rahman</i>
20-Jun-09	Melaka <i>Dr Ab Halim Muhammadiyah</i>
21-Jun-09	Selangor <i>Dr Rahmah Hashim</i>
-	Wilayah Persekutuan (Belum Muktamar Penubuhan)
-	Pahang (Belum Muktamar 2009)